

**SEJARAH PERIBUMI DI BORNEO UTARA SEMASA ZAMAN  
KESULTANAN BRUNEI: SATU KAJIAN LITERATUR**  
***NORTH BORNEO HISTORY OF INDIGENOUS DURING THE  
BRUNEI SULTANATE: A REVIEW FOR THE LITERATURE***

YUSRY SULAIMAN<sup>1</sup> BILCHER BALA<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

*yusryjason@gmail.com; bilcher@ums.edu.my*

Tarikh dihantar: 15 Mei 2020 / Tarikh diterima: 01 Oktober 2020

**ABSTRAK** Penulisan dari barat dan tempatan yang menyentuh berkenaan sejarah peribumi di Borneo Utara mestilah merujuk kembali kepada sejarah Brunei. Hal ini demikian kerana Kesultanan Brunei merupakan pemerintahan terawal sebelum kedatangan kuasa Barat. Dalam hal ini, terdapat beberapa penulis barat seperti Spenser, Rutter, Leys, Black, Treacher, Tarling, Warren, Evans, Sweeney dan Sather yang melakukan penulisan terawal mengenai sejarah peribumi di Borneo Utara pada zaman kesultanan Brunei. Namun begitu, penulisan mereka hanyalah bersifat deskriptif dan data kajian berat sebelah hanya berdasarkan pemerhatian semata-mata. Walaupun pemikiran mereka tidak bersifat lokal sentrik, ia memberikan hasil dapatan kajian yang sangat berbeza serta tidak patut diketengahkan lagi. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa penulis tempatan seperti Hasbol, Ranjit dan Abdul Rahman adalah penting dalam kajian peribumi di Borneo Utara lebih-lebih lagi, pada zaman Kesultanan Brunei, mereka cuba mengangkat sejarah tempatan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan mengenai fakta yang boleh diubah mengenai sejarah peribumi mengikut sentrik, fakta luaran, fakta dalaman, kritikan luaran dan kritikan dalaman. Walaupun penulisan barat bersifat berat sebelah, tetapi ia memberi impak kepada penulisan tempatan untuk mencari persoalan tentang sejarah peribumi di Borneo Utara. Dengan itu, maka wujudlah kelompongan penulisan dan pengkaji akan datang dapat menilai dengan lebih kritis. Oleh itu, penulisan tempatan perlulah mengambil peranan untuk mengisi kelompongan akan datang, mencari penemuan baharu agar ia dapat mengurangkan perbezaan pandangan di antara penulis dari barat dan tempatan supaya tidak bersifat berat sebelah. Makalah ini bertujuan melihat perbandingan di antara penulisan dari barat dan penulisan tempatan mengenai sejarah peribumi pada zaman Kesultanan Brunei di Borneo Utara.

**Kata kunci:** Sejarah peribumi, Borneo Utara, penulisan, sejarah tempatan, sejarah Brunei, lokal sentrik.

**ABSTRACT** *Western and local writers who try to touch on the history of the peoples North Borneo must back refer about history of Brunei. The Brunei Sultanate was the earliest government before the western powers came to the North Borneo. Many western writers, such as Spenser; Rutter; Leys, Black, Treacher, Tarling, Warren, Evans, Sweeney and Sather wrote on the earliest records of the peoples' histories in North Borneo during the Brunei Sultanate period. However, their writings are primarily descriptive and data research is largely based on observations. They are not local centric, producing unusual results and should be used with caution. Local writers who tried to make up for this deficiency of overseas writers by writing about the peoples' histories from a local perspective are such writers as Hasbol, Ranjit and Abdul Rahman. These writers are very important for local history in North Borneo during the time of the Brunei Sultanate. They even tried to elevate local history. They present a different interpretation based on the facts which is now shown can be viewed from different perspectives according to Western/local centricity, external facts, internal facts, external criticism and internal criticism. Therefore, a number of writings of Western academics are slanted towards a particular viewpoint, and it is incumbent on local writers to find out additional questions about the history of North Borneo. Thus, there is opportunity for future writers to evaluate and be more analytical. Therefore, it is very important for local writers to fill the next gap in research, to make new discoveries, so as to bridge the divide between writers from the West and those who are local. This paper's aim to produce a comparison between writers from the west and local writers on the peoples' histories during the period of the Brunei Sultanate in North Borneo.*

**Keywords:** Peoples' history, North Borneo, writers, local history, Brunei history, local centric.

## PENGENALAN

Sejarah Brunei dan Borneo Utara mempunyai latar belakang yang sama, terletak di satu pulau yang sama dari Tanjung Datu sehingga Pandasan. Kesultanan Brunei merupakan pemerintahan yang menggunakan undang-undang Islam sejak zaman Sultan Bolkiah I (Nakhoda Ragam). Kemudian, Sultan Saiful Rijal telah menstrukturkan pemerintahan dengan tujuan untuk melicinkan pentadbiran. Ranjit Singh menganalisis beberapa dokumen untuk mengkaji latar belakang sejarah Brunei dan sejarah Borneo Utara sehingga menimbulkan tafsiran dan sentrik yang berbeza. Kajian tentang sejarah Borneo Utara juga telah ditulis oleh penulis luar seperti Owen Rutter, Nicholas Tarling, Graham Saunders, William Hood Treacher, Ivor Hugh Norman Evans, Peter Leys dan Ian Donald Black. Di samping penulis-penulis yang lain, Ranjit Singh juga telah membantu mengisi kelomongan tentang sejarah Borneo Utara, bahkan mendorong generasi seterusnya untuk mengkaji sejarah Borneo Utara. Antara kajian sejarah Ranjit Singh berkenaan Borneo Utara ialah *The Making of Sabah 1865–1941: The Dynamic Indigenous of Society 1865–1941*.

### Tema perbincangan

Masyarakat Kadazandusun, Murut, Bajau dan Illanun mempunyai asal usul yang berbeza. Cara penghijrahan setiap masyarakat adalah berlainan. Corak kegiatan sosioekonomi masyarakat tersebut juga berbeza. Mereka bertani di kawasan tanah rata dan bukit. Di kawasan pantai barat Borneo Utara, masyarakat Kadazandusun, Murut dan Illanun biasanya bekerja di kawasan sawah padi yang telah menjadi kawasan mencari sumber rezeki utama, manakala masyarakat Bajau dan Illanun pula mempunyai kemahiran dalam ilmu maritim. Masyarakat Bajau dan Illanun sebenarnya berasal daripada pengembara laut dan merantau ke Borneo Utara (Hasbol, 2011: 46–48). Mengikut *Silsilah Raja-Raja Brunei* dalam “Teks B”, Pengiran Bendahara Sakam berasal dari Bajau yang menakluk di kawasan Bajau (Sweeney, 1998: 54). Oleh itu, keempat-empat masyarakat tersebut adalah fokus utama dalam makalah ini.

Pembangunan dan perhubungan luar dalam perdagangan di pantai barat Borneo Utara semakin berkembang kerana mempunyai permintaan yang tinggi dari luar seperti China. Hal ini telah meningkatkan kegiatan

sosioekonomi masyarakat di Brunei dan kawasan sekitarnya. Di Borneo Utara, penanaman padi mempunyai dua kawasan, iaitu dataran rendah bagi padi sawah dan dataran bukit bagi padi huma. Padi merupakan makanan terpenting bagi masyarakat Kadazandusun dan Murut di samping dijadikan sebagai pertukaran barang (sistem barter). Masyarakat Kadazandusun dan Murut juga melakukan aktiviti berburu dan memungut hasil hutan. Oleh itu, masyarakat Kadazandusun dan Murut saling bergantung untuk mengisi keperluan mereka sambil membuat pertukaran barang.

Struktur tanah jajahan Brunei di pantai barat Borneo Utara pada abad ke-16 sehingga ke-18 menggunakan pemerintahan bercorak Islam. Sultan merupakan ketua dan memerintah secara mutlak. Setiap hierarki mempunyai susun lapis dalam pentadbiran secara rasmi yang terdiri daripada wazir dan cheteria. Golongan wazir telah dibahagikan kepada empat golongan dan cheteria juga dipecahkan kepada empat golongan. (Hasbol, 2011: 220) Antaranya, Pengiran Syahbandar Sahibol Bandar, Pengiran Maharaja Laila Sahibol Kahar, Pengiran Paduka Tuan dan Pengiran Maharaja Adinda. Setiap golongan wazir dan cheteria mempunyai tanggungjawab dan peranan tersendiri. Dengan itu, kawasan pantai barat Borneo Utara terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Kerajaan,<sup>1</sup> Kuripan<sup>2</sup> dan Tulin<sup>3</sup>. Tujuannya adalah untuk menguruskan pentadbiran secara sistematik. Oleh itu, setiap wilayah jajahan mempunyai peranannya masing-masing.

Peristiwa kebangkitan anti-SBUB adalah kesan daripada perluasan kuasa SBUB di Borneo Utara. Golongan anti-SBUB seperti masyarakat Brunei, Bajau dan Dusun melakukan agitasi terhadap campur tangan SBUB. Dengan itu, SBUB mengeluarkan perbelanjaan untuk memperbaiki kawasan tapak mereka yang diancam oleh golongan anti-SBUB. Sebagai contoh, SBUB menerima serangan di kawasan Padas Damit oleh Pengiran Shahbandar. Selain itu, kes penentangan Datu Amir Bahar merupakan masalah utama bagi pihak SBUB. Hal ini demikian kerana Datu Amir Bahar mempunyai ramai pengikut untuk menentang SBUB di Papar.

## Latar Belakang Peribumi dalam Sorotan Sejarah

Menurut Rutter (*British North Borneo*, 2016: 54–56; *The Pagans of North Borneo*, 2016: 31–32), masyarakat Kadazandusun merupakan masyarakat peribumi yang utama di kawasan pantai barat Borneo Utara. Walaupun masyarakat Kadazandusun tinggal di kawasan pantai barat Borneo Utara, tetapi tidak semua mereka patuh kepada Kesultanan Brunei. Tumpuan petempatan masyarakat Kadazandusun adalah di kawasan pergunungan sehingga melahirkan pentadbiran tersendiri. Ranjit mengatakan bahawa mereka tidak bernaung di bawah Kesultanan Brunei kerana kawasan mereka jauh daripada pengaruh Kesultanan Brunei pada abad ke-16 (Ranjit, 2011: 20–21). Dari aspek sosioekonomi, masyarakat Kadazandusun kebiasaannya tinggal di kawasan tanah rata sehingga di kawasan dataran rendah yang kaya dengan mineral serta dapat menghasilkan padi yang berkualiti berbanding di kawasan pergunungan, mengikut kesesuaian iklim dan kadar hujan yang tinggi. Antara kawasan yang dijadikan tumpuan Kadazandusun ialah di Putatan, Tuaran, Papar, Penampang dan Kimanis (Rutter, 2016: 57).

Seterusnya, perkataan “Kadazandusun” lebih masyhur digunakan di Papar dan Penampang. Menurut Awang Hasbol, perkataan “Dusun” berasal daripada perkataan Melayu yang bermaksud kawasan kebun. Ia bersesuaian dengan ekonomi kedusunan di kawasan bukit, pergunungan dan di kawasan dataran. Oleh itu, perkataan “Dusun” lebih popular di pantai barat Borneo Utara (Rutter, 2016: 57). Menurut Hasbol (2011: 55), pada tahun 1970, perkataan “Kadazandusun” pernah dijadikan sebagai isu politik kerana masyarakat Dusun muhul mempertahankan terma “Dusun”. Pada tahun 1995, masyarakat Dusun dan Kadazan telah bersepakat menggunakan terma “Kadazandusun” sebagai terma rasmi.

Di samping itu, masyarakat Murut dikenali sebagai Lun Bawang semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei. Mengikut Steve Runciman (1960: 45) dan Tom Harisson (1984: 60) masyarakat Murut merupakan masyarakat yang terawal dan penduduk yang paling lama menetap di kawasan pantai barat Borneo Utara. Masyarakat Murut menetap di kawasan pergunungan, bukit dan pertengahan Kepulauan Borneo. Mereka berpindah-randah atau dikenali sebagai nomad dengan tujuan mencari kawasan dan petempatan yang baharu

untuk bertani. Aktiviti pertanian bagi masyarakat Murut atau Lun Bawang merupakan sumber utama rezeki mereka (*British North Borneo Herald*, 1st March 1885: 5). Spenser (1974: 89–91) mengatakan bahawa masyarakat Murut di Borneo Utara kebanyakannya mendiami kawasan bukit seperti Pensiangan, Tenom, Sipitang, Mengalong, Keningau dan Padas. Masyarakat Murut juga tinggal di kawasan sungai yang merupakan tumpuan mencari rezeki yang utama. Dengan itu, timbulah dua masyarakat Murut yang dikenali sebagai Lundayeh dan Lunlod. Masyarakat Lundayeh kebiasaannya tinggal di tepi sungai, manakala mereka yang tinggal di tepi laut dan kawasan tepi pantai dikenali Lunlod. Dengan itu, sungai adalah asas penting untuk dijadikan sebagai penempatan utama (Hasbol, 2011: 54).

Mengikut *Silsilah Raja-Raja Berunai* dalam bahagian “Teks B” maksud perkataan “Bajau” yang paling awal dikaitkan dengan Pengiran Bendahara Sakam yang berasal Bajau merantau kerana menakluk kawasan Bajau di Borneo Utara (Sweeney, 1998: 54). Menurut Hugh Low, Bajau juga bermakna merantau yang dikenali sebagai *Sea Gipsies* dan mereka dipercayai berasal dari Johor, dikenali sebagai pengembara laut (Sather, 1997: 17). Evans mengatakan Bajau adalah perantau yang berasal dari Melayu-Proto kerana kehidupan mereka lebih akrab dengan laut. Mereka tinggal di kawasan perairan dan tinggal secara berasingan di pelbagai tempat. Dengan kata lain, tempat itu dikenali sebagai Kampung Air. Masyarakat Bajau secara majoritinya adalah orang Islam (Evans, 1922: 220). Menurut Owen Rutter, masyarakat Bajau mempunyai satu keunikan tersendiri kerana ada yang tinggal di perahu bergerak dari satu tempat ke tempat lain (Owen Rutter, 2016: 30). Sather juga menyatakan kebanyakan masyarakat Bajau (sekitar 11,150 orang yang menetap di Borneo Utara ketika itu) berasal dari kepulauan Sulu (Sather, 1997: 13).

James Warren (1981: 25) pula mengatakan masyarakat Bajau berhijrah ke Sabah untuk mencari petempatan baru atas kepentingan faktor keselamatan antara tahun 1880–1890. Di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei sebelum abad ke-18, sistem politik masyarakat Bajau adalah bersifat kesukuan. Masyarakat Bajau tidak pernah bersatu untuk menubuhkan entiti kerajaan sendiri. Oleh hal yang demikian, setiap kelompok Bajau mempunyai ketua masing-masing. Masyarakat Bajau tidak pernah bersatu walaupun

untuk menentang musuh sendiri seperti Illanun. Masyarakat Bajau sering bersengketa sesama sendiri. Buktinya, pada tahun 1878, Ian mengatakan berlaku pergaduhan sesama Bajau antara Datuk Rombongan dengan Datuk Temenggung yang berakhir dengan terbunuhnya enam orang pengikutnya. Datuk Rombongan telah menyerang Datuk Temenggung serta merampas kerbau dan kuda (Black, 1968: 147) Dari aspek lokasi petempatan masyarakat Bajau, Brown menjelaskan masyarakat Bajau menetap di kawasan seperti Mengkabong, Inanam, Tuaran, Papar, Pengalat dan Kawang yang merupakan wilayah jajahan Brunei.

Menurut Evans, masyarakat Illanun telah berhijrah ke pantai barat Borneo bermula pada tahun 1807. Masyarakat Illanun kemudiannya berhijrah dan membina petempatan dan menetap di Pandasan, Tuaran, Tawau, Kudat, Labuan, Lahad Datu, Sandakan, Semporna, Kudat dan beberapa tempat lain. Masyarakat Illanun ramai menetap di kawasan pantai barat Borneo Utara seperti Tempasuk, Mengkabong, Pandasan dan Tuaran (Evans, 1922: 220). Masyarakat Illanun yang beragama Islam dipercayai berasal dari Mindanao di selatan Filipina. Mereka menetap di kawasan Teluk Illanun dan Tasik Lanao (Spenser, 1974: 370). Menjelang abad ke-19, masyarakat Illanun masih belum mendirikan sebuah kerajaan. Pada ketika itu masyarakat ini hanya mempunyai ketua kaum yang menggunakan gelaran Datuk. Menurut Spenser (1974: 370), Teluk Abai merupakan sebuah perkampungan masyarakat Illanun yang diketuai oleh Raja Muda. Raja Muda mempunyai anak yang bernama Pengiran Muhammad dan mengetuai kawasan Pandasan. Semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei, masyarakat Illanun merupakan rakyat kerajaan tersebut (Evans, 1997: 219). Kegiatan ekonomi masyarakat Illanun adalah bertani dan menangkap ikan sejak turun-temurun. Masyarakat Illanun juga aktif dalam bidang perdagangan (Hasbol, 2011: 50).

### **Senario Perdagangan Sezaman**

Pembangunan di kawasan pantai barat Borneo Utara berlaku disebabkan oleh pembangunan sawah padi. Hal ini terbukti menerusi peningkatan pengeluaran padi yang pesat. Secara umumnya, kegiatan pertanian merupakan sumber utama yang dapat mengubah keadaan sosioekonomi masyarakat di pantai barat Borneo Utara. Selain pertanian, peribumi Borneo Utara juga melakukan

aktiviti berburu yang semakin berkembang dan menjadi sumber ekonomi utama mereka (Rutter, 2016: 89–93). Aktiviti pertanian dan berburu saling bergantung dalam rantaian sumber makanan di pantai barat Borneo Utara. Ekonomi tradisional semakin berkembang kerana ia menjadi keperluan asas bagi setiap masyarakat. Lebih-lebih lagi, setelah perkembangan sistem pertukaran barang (*barter-trade*). Antara barang yang biasanya terlibat ialah, beras, buah-buahan dan daging. Sistem pertukaran barang kebiasaannya dijalankan di tepi sungai yang merupakan pusat pertemuan dan pengangkutan bagi setiap masyarakat peribumi (Hasbol, 2011: 50; Ranjit Singh, 2011: 59).

Ranjit (2011) menjelaskan situasi perdagangan luar di pantai barat Borneo Utara sememangnya aktif sejak abad ke-10. Antara barang dagangan utama ialah hasil hutan dan laut. Produk utama bagi pantai barat Borneo Utara ialah sarang burung, madu, sagu, mutiara, cengkerang, agar-agar dan tripang yang mendapat permintaan tinggi di China. Kesemua barang tersebut digunakan dalam bidang perubatan dan makanan istimewa bagi maharaja China (Warren, 1981: 58–59; Ranjit Singh, 2011: 63). Hasbol (2011: 55) menekankan peranan orang Bajau yang menetap di kawasan pesisiran pantai dan mahir dalam aktiviti kelautan, di samping masyarakat Kadazandusun yang aktif dalam bidang pertanian. Sementara itu, Rutter (2016: 89–93) menjelaskan SBUB telah mengeksport hasil pertanian secara komersial. Tembakau merupakan antara produk utama dan menjana pendapatan penting dalam industri pertanian di Borneo Utara. Tembakau menjadi tumpuan utama bagi pedagang Barat kerana permintaan terhadap bekalan rokok. Pada tahun 1883–1885, antara pelopor yang mengusahakan penanaman tembakau ialah Gibson. Aktiviti penanaman tembakau mempunyai potensi pengeluaran yang produktif seperti yang diusahakan oleh *London Borneo Tobacco Company* dan *New Darvel Tobacco Company* (Rutter, 2016: 89–93).

## **Struktur Pentadbiran Tempatan**

Pada umumnya, politik di pantai barat Borneo Utara dikuasai oleh Kesultanan Brunei yang mengawal semua pentadbiran setelah berjaya meluaskan empayar Kesultanan Brunei semasa di bawah pemerintahan Sultan Bolkiyah I sehingga pemerintahan Sultan Hassan, pada abad ke-17 (Singh, 2011: 63; Gullick, 1970: 32–35; Warren, 1981: 4–5; Leys, 1968: 131). Sistem pemerintahan Kesultanan

Brunei umumnya berasaskan undang-undang Islam yang menggunakan konsep khalifah Allah. Sultan merupakan kuasa tertinggi yang mempunyai kuasa mutlak (Sweeney, 1998: 63). Anak lelaki sultan akan diangkat untuk menjadi pengganti sultan secara mutlak apabila sultan mangkat. Jika sultan tidak mempunyai pengganti, Pengiran Bendahara akan dijadikan pengganti yang sah untuk mewarisi takhta (Tarling, 1971: 2; Ranjit, 2011: 63).<sup>4</sup> Menurut Hasbol, golongan wazir kebiasaannya dilantik dari golongan Pengiran dan kerabat diraja. Pertama, Pengiran Bendahara (orang kanan sultan). Jawatan ini diperkenalkan sejak zaman Sultan Muhyiddin. Pengiran Bendahara merupakan ketua angkatan tentera. Jika musuh menyerang Brunei, Pengiran Bendaharalah yang memimpin angkatan tentera Brunei dengan dibantu oleh seorang panglima. Selain menjadi ketua angkatan perang, Pengiran Bendahara bertanggungjawab menguruskan hubungan diplomatik. Robert Nicholl mengatakan Pengiran Bendahara semasa pemerintahan Sultan Muhyiddin pernah menghantar utusan kepada pihak Sepanyol di Manila untuk menjalankan hubungan persahabatan dan perdagangan (Hasbol, 2011: 49–55).

Selain itu, Hasbol (2011: 49–55) menyatakan Pengiran Temenggung memikul tanggungjawab undang-undang dan mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman terhadap penjenayah sama ada di ibu kota atau di mana-mana wilayah. Pengiran Temenggung juga dilantik sebagai Ketua Angkatan Tentera Brunei. Antara tugas Pengiran Temenggung adalah memastikan wilayah Brunei bebas dan selamat daripada ancaman musuh. Pengiran Temenggung dibantu oleh Orang Laut seperti Bajau untuk menjamin keamanan di kawasan perairan. Peranan Pengiran Di-Gadong adalah menjaga segala hal kewangan dan mengawasi pekerja di istana sultan Brunei, termasuklah segala hal ehwal hamba, senjata dan alat diraja. Pengiran Di-Gadong dibantu oleh tiga orang pembesar, iaitu Orang Kaya Di-Gadong yang berperanan sebagai jurukira, mengurus peruntukan diraja dan ejen perdagangan. Akhir sekali, fungsi Pengiran Pemancha yang bertanggungjawab selaku Pengerusi dalam mesyuarat majlis pembesar Brunei. Pengiran Pemancha juga merupakan agen protokol, ketua tertinggi dalam hal ehwal istana serta adat istiadat diraja. Menurut Henry Keppel, Pengiran Pemancha dibantu oleh lapan orang cheteria serta lapan orang menteri. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Tajudin, jawatan Pengiran Pemancha dipegang oleh Pengiran Pemanca Muhammad Daud (Hasbol, 2011: 205).

Menjelang abad ke-16 dan awal abad ke-17, pembahagian wilayah dilakukan dalam empayar kesultanan Brunei (lihat juga Eko Prayitno Joko, 2014).<sup>5</sup> Hal ini berterusan sehingga abad ke-19. Jawatan diagihkan antara golongan wazir dan bangsawan. Semua keputusan terpenting berada dalam tangan sultan. Istilah “negeri sama seperti “jajahan” atau sungai (Leys, 1968: 132).<sup>6</sup> Sebagai contoh, Manggatal, Tuaran, Tempasuk, Membakut, Padas Damit, Padas Klias, Benoni, Kimanis, Papar, Tempasuk, Mengkabong, Inanam, Api-Api, Kawang, Pengalat, Putatan dan Bongawan merupakan wilayah jajahan Brunei. Setiap wilayah ini ditentukan oleh lembah sungai atau sempadan geografi (C.O 874/236, 10 May 1884; C.O. 874/54, 20 March 1884).

Sistem pemerintahan Kesultanan Brunei terbahagi kepada tiga wilayah iaitu Kerajaan, Kuripan dan Tulin. Kesemua hasil dari wilayah, hamba dan cukai terletak kepada pedagang di mana-mana wilayah tanah jajahan (Leys, 1968: 131). Struktur jajahan Brunei di pantai barat Borneo Utara terdiri daripada Kuripan dan Tulin. Kuripan terdiri daripada kawasan, rakyat dan cukai khas perdagangan dan diketuai oleh wazir yang dilantik oleh sultan. Kuripan mempunyai hak keistimewaan sama seperti sultan. Dari segi pewarisan, Kuripan tidak dapat diwarisi dan ditukar milik. Bagi Tulin pula, ia merupakan milik peribadi. Pemilik Tulin berkuasa di kawasan Tulin masing-masing. Tulin boleh diwariskan kepada generasi seterusnya. Lebih-lebih lagi, pemilik Tulin berhak memungut cukai perdagangan mengikut kawasan pemilik tersebut (Ranjit, 2011: 66–67; Leys, 1968: 131–132).

Treacher juga mengatakan struktur jajahan Brunei terbahagi kepada tiga iaitu Kerajaan, Kuripan dan Tulin. Ia disokong oleh Leys (1968: 131; Treacher, 1891: 24–26). Sultan Brunei berkuasa mutlak, dibantu empat pengiran seperti Pengiran Bendahara, Pengiran Di-Gadong, Pengiran Pemancha dan Pengiran Temenggong. Setiap pengiran mempunyai warna yang tersendiri. Sebagai contoh, Pengiran Bendahara dan Pemancha memegang warna putih, Pengiran Di-Gadong warna hijau dan Pengiran Temenggong warna merah (Treacher, 1891: 131). Setiap empat wazir ditandai dengan warna masing-masing dan menunjukkan simbolik warna tersendiri. Bendera sultan pula berwarna kuning sebagai warna kerabat diraja dan sesiapa pun tidak dibenarkan menggunakan warna ini melainkan kerabat diraja (Treacher, 1891: 24–26). Seterusnya, setiap golongan wazir mempunyai peranan tersendiri. Pengiran Bendahara

bertugas sebagai penasihat dan setiausaha sultan. Pengiran Di-Gadong pula menguruskan hal ehwal adat isitiadat dan menjaga cap mohor sultan. Pengiran Pemancha menguruskan hubungan diplomatik dan pengutusan watikah kepada kerajaan luar negeri. Akhir sekali, Pengiran Temenggong adalah ketua tentera kerajaan serta ketua panglima tentera laut di Kota Batu, Brunei (Treacher, 1891: 24–26).

Undang-undang Kesultanan Brunei adalah berasaskan al-Quran dan as-Sunnah (Treacher, 1891: 24–26). Rakyat Brunei mementingkan tulisan dan bahasa Arab untuk memahami al-Quran dengan lebih mendalam. Rakyat Brunei mementingkan ziarah ke Mekah untuk menunaikan haji bagi menghapuskan dosa serta menyucikan hati. Kebanyakan orang yang menunaikan haji ialah orang Berunai dan Kadayan (Treacher, 1891: 27). Rakyat Brunei lebih mementingkan undang-undang Islam yang menjadi pendukung utama di pusat Kota Batu. Hukuman jenayah berasaskan hukum hudud. Sebagai contoh, kes mencuri akan dipotong tangan. Kes sedemikian akan disiasat dengan lebih teliti sebelum hukuman dijatuhkan. Oleh itu, segala keputusan terhadap hukum hudud terletak di tangan sultan (Treacher, 1891: 28).

### **Kebangkitan Anti-SBUB Pada Abad ke-19**

Pada abad ke-19, Syarikat Borneo Utara British telah menghadapi beberapa siri gerakan penentangan daripada penduduk tempatan. Penentangan bermula ketika SBUB menjalankan proses membina sempadan wilayah pemerintahan. Contohnya, di Padas Damit pada tahun 1888 (Tregonning, 2007: 49 dan Rutter, 2016: 89–93). Menurut Sabihah *et al.* (2009: 28), peristiwa Padas Damit melibatkan pertentangan antara SBUB dengan Pengiran Shahbandar. Sebelum peristiwa Padas Damit tercetus pada tahun 1885, Pengiran Shahbandar telah menyerang kawasan Kibajan, tempat pentadbiran SBUB. Pegawai British yang bernama Kapten Beeston dari Mempakul kemudiannya telah bertindak balas terhadap Pengiran Shahbandar dan pengikutnya. Sebagai tindak balas, Pengiran Shahbandar telah menyerang kawasan SBUB dengan menghantar tentera Sikh ke Padas Damit. Kontinjen ini diketuai oleh tiga orang pegawai SBUB dan 300 orang polis. Setelah mereka tiba di Padas Damit, mereka menghadapi tentangan hebat daripada Pengiran Shahbandar (Rutter, 2016: 182–183; Marylin *et al.*, 2015: 88).

Bagi berdepan dengan serangan Pangiran Shahbandar, Gabenor Creagh meminta pertolongan dari Singapura agar menghantar tentera Sikh seramai 170 orang berserta kelengkapan dan peralatan tentera yang merangkumi dua buah kapal perang untuk mengawal kawasan Teluk Brunei (Tregonning, 2007: 49). Pada masa yang sama, seramai 400 tentera SBUB dikumpulkan. Pada Februari 1889, Perang Padas Damit dihentikan apabila kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan (Tregonning, 2007: 50). Gabenor Creagh berusaha untuk menyelesaikan penentangan ini secara aman dengan Pengiran Shahbandar. Selepas mengadakan perbincangan, kawasan Padas Damit telah diserahkan kepada SBUB dan Pengiran Shahbandar dibayar sebanyak 2,103 dolar setahun (C.O 874/40, 1 March 1889; C.O 874/40, 1 March 1889). Sebagai langkah keselamatan, selepas Perang Padas Damit, SBUB menambahkan jumlah tentera seperti orang Iban dan Sikh (Rutter, 2016: 182–183; C.O 874/40, 1 March 1889; C.O 874/40, 1 March 1889).

Seterusnya, peristiwa lain yang menunjukkan kebangkitan anti-SBUB di pantai barat Borneo Utara dapat dilihat menerusi keterlibatan masyarakat Bajau dan Illanun. Penentangan tercetus apabila Kesultanan Sulu bangkit dan ingin membebaskan diri daripada Kesultanan Brunei. Hal ini jelas terbukti apabila menjelang abad ke-19, Kesultanan Sulu mahu merampas empayar kekuasaan dan perdagangan Brunei di Marudu (Rahman, 2008: 109–110). Tindakan ini bertitik tolak daripada kekuasaan Kesultanan Brunei yang mengalami kemerosotan kuasa perdagangan dan politik di Marudu dan Tempasuk (Rahman, 2008: 109–110).

Kebangkitan menentang SBUB juga berlaku di kawasan Tulin pantai barat Borneo Utara yang diketuai oleh Datu Amir Bahar di Papar. Pengaruh yang kuat dan pengikut yang ramai telah mampu membebaskan Datu Amir Bahar daripada kekuasaan Brunei. Pengiran Temenggung Hashim telah menyerahkan kawasan Papar kepada sultan Brunei sebagai pemilik seterusnya (C.O 874/229, 7 March 1882). Pada tahun 1870, Datu Amir Bahar tidak mahu menyerahkan Papar kepada sultan Brunei, malahan dia menakluk kawasan Papar. Seterusnya, Datu Amir Bahar menubuhkan kerajaan sendiri dan rakyat membayar cukai kepadanya. Bagaimanapun, segala penentangan Datu Amir Bahar dan pengikutnya disekat oleh SBUB.

## KESIMPULAN

Setiap masyarakat mempunyai peranan masing-masing dan corak kegiatan sosioekonomi yang berlainan. Borneo Utara berkembang menjadi kawasan ekonomi komersial hasil sumbangan masyarakat tempatan seperti Kadazandusun, Murut, Bajau dan Illanun. Hasbol memerihalkan peranan masyarakat Bajau dan Illanun dalam bidang perikanan sehingga Kerajaan China datang untuk membeli barang daripada mereka. Di samping itu, faktor perdagangan memainkan peranan penting untuk meningkatkan ekonomi Borneo Utara. Melihat struktur jajahan Brunei pada abad ke-16 sehingga ke-20, Ranjit Singh menjelaskan tiga jenis tanah wilayah jajahan iaitu Kerajaan, Kuripan dan Tulin. Peter Leys, Treacher dan Hasbol telah menjelaskan struktur pentadbiran rasmi Brunei pada abad ke-16 sehingga ke-20. Walaupun Kesultanan Brunei semakin berkembang tetapi berlaku konflik semasa kolonialisasi kuasa Barat di Borneo Utara. SBUB menghadapi penentangan daripada pembesar–pembesar tempatan. Oleh itu, pengetahuan sejarah yang meliputi peristiwa tempatan, pemerintahan, sumbangan setiap masyarakat dan struktur tanah jajahan wilayah Brunei amat penting untuk menjelaskan bahawa sejarah Kesultanan Brunei adalah penting untuk memahami sejarah Borneo Utara.

## PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada tesis sarjana penulis. Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UMS atas geran penyelidikan GUG0344-1/2019. Terima kasih juga kepada rakan-rakan yang turut membantu memberi komen yang membina untuk memperbaiki makalah ini.

## NOTA

<sup>1</sup> Kerajaan di sekitar Kota Batu adalah kepunyaan sultan, mengikut versi Leys kebanyakan orang Melayu mempunyai dua maksud dan boleh menimbulkan kekeliruan. Peter Leys telah menetapkan piawaian yang dipetik daripada Richard Olar Winstedt, iaitu *an Unabridged Malay-English Dictionary*, dengan menggunakan perkataan (E-pepet). Sebagai contoh, perkataan “Pengiran” atau “Pangiran” ataupun “Tulin” atau “Tulen” yang sering menimbulkan kekeliruan dalam sebutan.

- <sup>2</sup> Kuripan adalah pemilik, iaitu biasanya golongan wazir dan dilantik oleh sultan. Golongan wazir juga sama taraf hak keistimewaan sultan. Cuma membezakan Kuripan adalah tidak boleh diwaris mahupun ditukar milik melainkan izin oleh sultan. Oleh itu, Kuripan adalah di bawah kuasa sultan.
- <sup>3</sup> Tulin merupakan pemilik peribadi khususnya golongan cheteria. Sultan akan menyerahkan kepada golongan cheteria untuk melaksanakan tugas masing-masing. Dengan itu, Tulin tidak ada kaitan dalam jawatan dan tugasan dari pusat istana Kesultanan Brunei. Sebaliknya, Tulin adalah pemilik bebas daripada tanggungjawab Sultan Brunei. Tulin mempunyai milik secara persendirian dan sultan tidak berhak campur tangan di kawasan. Malahan, sultan berhak melantik dan menyerahkan kepada golongan cheteria. Sebagai contoh, kawasan Kawang adalah berstatus Tulin yang dimiliki oleh Syarif Jahir bin Syarif Maulana Abdul Rahman yang merupakan golongan cheteria. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah kawasan Tulin adalah milik golongan wazir, seperti kawasan Tulin di Benoni yang dimiliki oleh Pengiran Temenggong Hashim. Oleh itu, segala cukai kepala mengikut kawasan tidak akan bayar kepada sultan secara langsung, tetapi lebih mengutamakan pemilik Tulin dahulu. Oleh itu, Tulin adalah lebih bersifat peribadi dan tidak mengalami campur tangan hal sultan.
- <sup>4</sup> Pada tahun 1852 sebuah Majlis Tertinggi telah memilih Pengiran Abdul Momin sebagai sultan Brunei. Sebaliknya Pengiran Muda Hashim adalah anak kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II yang sepatutnya menjadi Sultan. Pada tahun 1885, Sultan Abdul Momin wafat, Pengiran Muda Hashim ditabalkan sebagai Sultan Brunei seterusnya dan selanjutnya menunjukkan konflik di antara konflik kerabat diraja Brunei
- <sup>5</sup> Jajahan bermaksud sungai yang juga merupakan kawasan yang boleh tukar ganti. Hal ini Jajahan menunjukkan suatu kekuasaan mengikut kawasan wilayah jajahan. C.O 874/228, Govenor Despatch 54/1881; Treacher to Alfred Dent, 18 November 1881.
- <sup>6</sup> Perkataan negeri merujuk kepada pusat Kerajaan Brunei seperti jajahan dan sungai mengikut kawasan. C.O 874/54, *Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay*, 29 Disember 1877; C.O 874/54, *Grant by Pengiran Temenggong of Brunei of the Province of Kimanis and Benoni*, 29 Disember 1877.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Haji Abdul Karim. (2008). *Keruntuhan empayar Brunei abad ke-19: Satu kajian dari sudut ekonomi*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Hasbol. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19, politik dan struktur pentadbiran*. Brunei Darulsalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- British North Borneo Herald*. (7 March 1882).
- Black, I. D. (1968). The ending rule of Brunei in Sabah, 1878–1902, *The Malay Branch Royal Asiatic*, 41(2), 142–149.
- C.O 874/228. Governor to the Chairman, Govenor Despatch 54/1881.
- C.O 874/229. Governor Despatch 72/1882.
- C.O 874/236. (10 May 1884). Treacher to Davies acting Resident West Coast.
- C.O 874/236. (18 November 1881). Treacher to Alfred Dent.

- C.O 874/40. (1 March 1889). Grant of Padas Damit.
- C.O 874/54. (29 Disember 1877) Grant by Sultan Brunei of Territory Comprising Gaya Bay and Sepanggar Bay.
- C.O 874/54. (29 Disember 1877). Grant by Pengiran Temenggong of Brunei of the Province of Kimanis and Benoni
- C.O. 874/54. (20 March 1884). Grant of Putatan River.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Isu pemilikan wilayah pantai timur Sabah: Satu penelusuran daripada sudut sumber sejarah. *Jurnal Kinabalu*, 20, 1–34.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Sejarah lisan. *Jurnal Kinabalu*, 26(1), 195–199.
- Gullick, J. (1970). *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harisson, T. (1984). *World within a Borneo story*. Kota Kinabalu: Opus Publication
- Johny, M., Mohamad Shaukhi Mohd. Radzi & Mosli Tarsat. (2015). Penentangan pemimpin tempatan terhadap perlaksanaan dasar tanah British North Borneo Chartered Company (BNBCC) di Borneo Utara: 1881–1941. *Jurnal Kinabalu*, 21, 77–95.
- Leys, P. (1968). Observation on the political system 1883–1885. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2), 128–141.
- Norman, E. I. H. (1922). *Among primitive peoples in Borneo*. London: Oxford University Press.
- Runciman, S. (1960). *The White Rajahs: A history from Sarawak 1841–1946*. London: Cambridge University Press
- Rutter, O. (2016). *British North Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Rutter, O. (2016). *The Pagans of Borneo*. Kota Kinabalu: Opus Publication.
- Sather, C. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, history and fate in a maritime fishing society of South Eastern Sabah*. Singapore: Oxford University Press
- Singh, R. (2011). *The making of Sabah 1865–1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kota Kinabalu: Bahagian Kabinet dan Dasar.
- Spenser, S. J. (1974). *Life in the forest of the Far East*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sweeney, A. (1968). Silsilah Raja-Raja Brunei. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2), 46–127.
- Tarling, N. (1971). *Britain, Brooke and Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Treacher, W. H. (1891). *Sketches Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Singapore: Government Printing Press.
- Tregonning, K. G. (2007). *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881–1946*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Warren, J. F. (1981). *The Sulu Zone, 1768–1898: Dynamics of eternal trade slavery and ethnicity in the transformation of Southeast Asia Maritime*. Singapore: Singapore University Press.

